

7H5M

CHONGQING + CHENGDU



PELANCONG BOLEH MEMBELI-BELAH DI THE RING SHOPPING CENTER SAMBIL MENIKMATI SUASANA ALAM SEMULAJADI DENGAN AIR TERJUN SEOLAH-OLAH BERADA DI DALAM SEBUAH TAMAN TROPIKA.

Map



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sep - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



CHINESE
YUAN:
CNY 1



RINGGIT
MALAYSIA:
MYR 0.65



PERBEZAAN WAKTU
CHINA: GMT+8

TOUR HIGHLIGHTS

1



SICHUAN OPERA:

Melihat Sichuan Opera Performances yang terkenal dengan seni "changing face" yang memukau, di mana pelakon menukar topeng mereka dalam sekelip mata.

2



THE RING SHOPPING CENTER:

Menawarkan pelbagai pilihan kedai, restoran dan hiburan. Pelancong boleh menikmati suasana alam semula jadi dengan air terjun yang indah dan landskap yang menarik, seolah-olah berada di dalam sebuah taman tropika.

3



HONGYADONG:

Terletak di tepi Sungai Jialing dan dikelilingi oleh tebing curam. Pada waktu malam, Hongyadong dipenuhi dengan lampu berwarna-warni yang mencipta suasana yang romantik seperti dalam movie "Spirited Away".

4



TIANFU ART MUSEUM:

Muzium seni moden yang mempamerkan pelbagai karya seni kontemporari dari artis tempatan dan antarabangsa. Pelancong dapat menikmati koleksi lukisan, patung dan instalasi seni yang inovatif.

HOTEL PENGINAPAN | 4* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Chengdu	Minimax Premier Hotel Chengdu	3 Mlm
Chongqing	Jia Rui Hotel	2 Mlm

JADUAL PENERBANGAN

AirAsia

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	D7 326	KUL - TFU	1810	2240
7	D7 321	TFU - KUL	1455	1935

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 5 malam bertaraf 4* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang profesional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

7H5M CHONGQING + CHENGDU

SOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
CCC05-AK

HARI 01 KUALA LUMPUR - CHENGDU

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Chengdu. Bermalam di Chengdu.

HARI 02 CHENGDU

SP/MT/MM

Lawatan di **Chengdu**:

- Bersiar-siar di **Wide Narrow Alleyway** yang terkenal dengan seni bina tradisional dan suasana yang meriah. Disini pelancongan dapat menikmati pelbagai hidangan tempatan, membeli cenderamata, dan melihat pertunjukan kebudayaan.
- Membeli-belah di **Sino-Ocean Taikoo Li** yang merupakan pusat membeli-belah dan hiburan moden terkenal yang menggabungkan elemen tradisional dan kontempori. Ia menawarkan barangan jenama fesyen antarabangsa, restoran mewah dan kafe bergaya.
- Membeli-belah di **Chunxi Road** yang berdekatan dengan Tai Koo. Ia juga merupakan kawasan membeli-belah yang sibuk dengan pelbagai kedai dari butik tempatan hingga jenama terkenal.
- Melawat **People's Park**, taman yang menawarkan suasana tenang dengan tasik, taman bunga, dan ruang untuk berjalan-jalan serta bersantai. Disini dapat menikmati teh, melihat orang tempatan bermain mahjong atau menyaksikan tarian dan nyanyian rakyat.
- Bersolat di **The Imperial City Mosque** yang mempunyai sejarah lebih dari 1000 tahun. Masjid ini terkenal dengan seni bina tradisional Cina yang unik, yang digabungkan dengan elemen reka bentuk Islam.
- Melihat **Sichuan Opera Performances** yang terkenal dengan seni "changing face" yang memukau, di mana pelakon menukar topeng mereka dalam sekelip mata. Selain itu, persembahan juga menampilkan nyanyian, tarian, dan aksi akrobatik yang hebat.

Bermalam di **Chengdu**.

HARI 03 CHENGDU

SP/MT/MM

Lawatan di **Chengdu**:

- Melawat **Tianfu Art Museum** di Chengdu yang merupakan muzium seni moden yang mempamerkan pelbagai karya seni kontemporari dari artis tempatan dan antarabangsa. Pelancong dapat menikmati koleksi lukisan, patung dan instalasi seni yang inovatif.
- Melawat **Panda Base** yang merupakan destinasi popular di mana pelancong boleh melihat panda gergasi dalam habitat semula jadi mereka. Pusat ini berdikasi untuk pemuliharaan dan pembiakan panda, serta Pendidikan awam tentang haiwan yang ikonik ini. Pelancong boleh menyaksikan panda bermain, makan buluh dan berehat di kawasannya.

Bermalam di **Chengdu**.

HARI 04 CHENGDU - CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Bersiar-siar di **18th Staircase** yang terkenal dengan tangga-tangga berbatu lama dan jalan-jalan sempit yang mencerminkan gaya hidup tradisional Chongqing. Kawasan ini menawarkan pemandangan bandar dan sungai yang menakjubkan. Pelancongan dapat menikmati pemandangan lorong sempit, mencuba makanan jalanan tempatan dan membeli cenderamata unik.
- Berjalan-jalan di **Jiao Chang Kou** yang menawarkan pelbagai hidangan halal seperti kebab, mi dan makanan ringan tempatan. Pelancong dapat mencuba makanan halal yang lazat sambil menikmati suasana jalanan yang meriah.

- Membeli-belah di **Liberation Monument** yang dikelilingi oleh pusat membeli-belah mewah, restoran dan kafe. Kawasan ini sering mengadakan acara kebudayaan dan hiburan yang menggabungkan sejarah, budaya dan kehidupan bandar moden.
- Melawat **Kui Xing Building** yang merupakan seni bina tradisional Cina dengan struktur kayu yang rumit dan bumbung bertingkat yang dihiasi dengan ukiran indah. Destinasi ini unik kerana walaupun ia kelihatan seperti berada di tingkat satu, sebenarnya ia terletak di tingkat 22. Pelancong boleh menikmati keindahan seni bina klasik serta suasana yang berbeza dengan kesibukan bandar Chongqing.
- Qiansimen Bridge** merupakan jambatan moden yang menghubungkan kawasan Yuzhong dan Jiangbei. Terkenal dengan seni bina yang unik dan pemandangan menakjubkan. Dengan pencahayaan LED yang terang, Qiansimen Bridge mencipta suasana yang menakjubkan pada waktu malam, menjadikannya spot fotografi yang digemari ramai.
- Melawat **Hongyadong** yang terletak di tepi Sungai Jialing dan dikelilingi oleh tebing curam. Pada waktu malam, Hongyadong dipenuhi dengan lampu berwarna-warni yang mencipta suasana yang memukau dan romantik seperti dalam movie "Spirited Away".

Bermalam di **Chongqing**.

HARI 05 CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Chongqing Mosque** yang mempunyai seni bina yang menarik dengan reka bentuk yang unik. Pelancong boleh melihat menara masjid yang tinggi dan pintu masuk yang dihiasi dengan kaligrafi Arab.
- Melawat **Ciqikou Ancient Town** yang terkenal dengan jalan-jalan batu yang sempit, bangunan tradisional dan suasana yang penuh dengan budaya. Selain itu, suasana yang meriah dan pemandangan sungai yang indah menjadikan Ciqikou satu tempat yang ideal untuk meluangkan masa bersama keluarga atau rakan-rakan.
- Li Ziba Light Rail Through Building Ancient Street** tempat menarik untuk pelancong yang ingin melihat kereta api ringan yang melintasi bangunan. Kawasan sekitar juga mempunyai kedai-kedai dan kafe, menjadikannya tempat yang sesuai untuk bersantai sambil menikmati pemandangan yang luar biasa.
- Bersiar-siar di **Danzishi Ancient Street** yang dapat menjelajahi bangunan bersejarah, kedai-kedai tradisional dan kafe yang menawarkan hidangan tempatan. Bermalam di **Chongqing**.

HARI 06 CHONGQING

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- Menikmati pemandangan di **People's Great Hall** yang mempunyai reka bentuk unik dan ciri-ciri tradisional Cina, seperti kubah bulat dan tiang-tiang yang tinggi. Kawasan sekeliling juga mempunyai taman yang indah, menjadikannya tempat yang sesuai untuk bersantai dan mengambil gambar.
- Membeli-belah di **Guanyin Qiao Pedestrian Street** yang dipenuhi dengan pelbagai kedai, butik dan restoran yang menawarkan pelbagai produk dan makan tempatan. Terdapat juga kawasan rehat dan pemandangan yang menarik, menjadikannya tempat yang sempurna untuk bersantai sambil menikmati aktiviti dan hiburan yang ditawarkan.
- Seterusnya, membeli-belah di **The Ring Shopping Center** juga menawarkan pelbagai pilihan kedai, restoran dan hiburan. Pelancong boleh menikmati suasana alam semula jadi dengan air terjun yang indah dan landskap yang menarik, seolah-olah berada di dalam sebuah taman tropika.

HARI 07 CHONGQING - KUALA LUMPUR

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.